

11/02/1997

Ribuan lawat Menara KL

KUALA LUMPUR, Isnin - Orang ramai termasuk pelancong asing mengambil kesempatan pada hari raya kedua untuk meninjau keindahan ibu kota dari Menara Kuala Lumpur setinggi 421 meter.

Seramai 5,367 pengunjung mengunjungi menara itu dalam tempoh dua jam saja apabila dibuka untuk orang ramai mulai jam 10 pagi hari ini.

Malah, pada hari raya pertama semalam menara itu yang dibuka pada jam 2 petang hingga 9 malam mencatat 2,350 pengunjung.

Penyelia Frontliner Menara Kuala Lumpur, Faridah Hassan, berkata pengunjung selalunya membanjiri menara itu pada hari perayaan atau cuti sekolah tetapi bilangannya berkurangan pada bulan puasa lalu.

"Biasanya kami menerima kira-kira 2,500 pengunjung pada hari biasa dan 5,000 pada hujung minggu. Sempena cuti perayaan pula kami menerima lebih 10,000 dan kebanyakannya dari negeri lain."

"Kebanyakan pengunjung termasuk pelancong asing, ingin melihat sendiri dari puncak menara, pemandangan terutama proses pembinaan yang begitu pesat di sini," katanya.

Menara Kuala Lumpur yang terletak di nadi segitiga emas, pusat perniagaan serta berdekatan dengan hotel bertaraf lima bintang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, awal Jun tahun lalu.

Menara yang terletak di Jalan Puncak berdekatan Jalan P Ramlee di sini, hanya mengenakan bayaran masuk RM8 bagi orang dewasa dan RM3 bagi kanak-kanak.

Seorang pengunjung, Yusof Ahmad, 44, dari Manjung, Perak yang datang menziarahi saudara di ibu kota sempena cuti sekolah, tidak melepaskan peluang melawat menara yang tertinggi di Asia itu.

"Saya bangga dapat melihat sendiri keunikan menara ini yang sebelumnya hanya didengar daripada saudara dan kawan-kawan yang sudah datang melawat," katanya.

K Kulanthayan, 26, dari Kelantan, berkata beliau mengambil kesempatan cuti am hari raya ini untuk bersama-sama kawan-kawan mengunjungi Menara Kuala Lumpur.

"Tidak sempurna lawatan ke sini jika tidak melawat menara Kuala Lumpur kerana ia adalah tempat paling menarik di ibu kota dan setiap pelawat perlu mengambil peluang mengunjunginya," katanya.

Beliau yang pertama kali berkunjung ke menara itu kagum dengan reka bentuk serta keindahan pemandangan yang dapat dilihat dari atas menara itu termasuk melihat kebiruan Selat Melaka.

Rohana Muhamad, 38, berkata, walaupun terpaksa beratur selama lebih dua jam kerana pengunjung begitu ramai pada hari ini, hatinya puas kerana dapat menjejakkan kaki ke tempat yang sentiasa menjadi tumpuan pelancong itu.

(END)